

24/09/1997

Syarikat diminta bantu

PELABUHAN KLANG, Selasa- Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Alam Negara (JPBBN) meminta semua syarikat perladangan tempatan yang dikenal pasti menyebabkan pembakaran terbuka di Sumatera Utara dan Kalimantan, Indonesia hadir pada mesyuarat Majlis Keselamatan Negara (MKN) di Jabatan Perdana Menteri, Jumaat ini.

Pengerusi JPBBN, Datuk Mohamed Rahmat, berkata kehadiran mereka atau wakil adalah penting di mesyuarat itu untuk mencari jalan penyelesaian dalam usaha memadamkan kebakaran yang menjadi punca utama jerebu di negara ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengarah Gerakan Negara sudah meminta mereka tampil membantu menangani masalah itu.

"Mereka wajar hadir pada mesyuarat yang akan membincangkan langkah atau bentuk tindakan yang perlu disumbangkan oleh mereka untuk mengatasi masalah yang belum selesai ini," katanya pada majlis Pemergian Petugas Negara ke Sumatera di sini, petang ini.

Seramai 1,064 petugas iaitu 1,028 anggota dan pegawai Jabatan Bomba dan Penyelamat, 12 anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan 24 anggota SMART berlepas ke Dumai, Sumatera menaiki kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), K D Mahawangsa.

Turut hadir, Timbalan Duta Indonesia ke Malaysia, Nazaruddin Koro dan Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat, Datuk Soh Chai Hock.

(END)